

## BAB 1

### PENGENALAN

#### **Wanita Melayu dalam Penulisan Sejarah Malaysia**

Pergerakan pembebasan wanita di Amerika Syarikat pada 1970-an yang mula mempersoalkan kehilangan kaum wanita daripada rakaman sejarah menjadi titik tolak kepada kemunculan arus baru yang memberi tumpuan kepada penulisan sejarah kaum wanita. Kecenderungan baru ini berlaku seiring dengan perubahan dalam penulisan sejarah di negara itu yang antara lainnya, mula menunjukkan peralihan minat daripada sejarah politik kepada sejarah sosial yang mencakupi aspek kehidupan manusia yang luas termasuk kekeluargaan. Penekanan yang semakin diberikan kepada kaedah kuantitatif dalam sejarah demografi yang meliputi aspek kelahiran, kematian, perancang keluarga dan sebagainya menjadikan peranan wanita semakin penting. Aspek terakhir pula yang memperlihatkan percubaan untuk lari daripada penulisan sejarah yang berpandangan “dari atas” kepada menulis sejarah “dari bawah” semakin memberi tempat kepada kaum wanita memandangkan mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat yang tunduk kepada susunan sosial, ekonomi dan politik yang sama sebagaimana kaum lelaki.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat perbincangan Tan Liok Ee 1996. “Wanita dan Penulisan Sejarah: Batasan dan Potensi Perspektif Gender,” dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (peny.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 90.

Dengan perkembangan kesedaran ini pengajian gender ternyata lebih maju di negara Barat seperti Amerika Syarikat dengan peminat bukan sahaja dari kalangan wanita malah juga kaum lelaki.<sup>2</sup> Di negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia belum banyak usaha menulis sejarah kaum wanita dilakukan sehingga kini meskipun ahli sosiologi dan anthropologi sudah memulakan laluannya.<sup>3</sup> Kajian dari bidang anthropologi tetap menawarkan maklumat dan pemahaman yang menarik kerana bidang ini juga meneroka aspek yang kelihatan “*female-friendly*” seperti kekeluargaan, ekonomi domestik, pengaruh adat dan agama, pendidikan dan kesihatan.<sup>4</sup> Pemunggiran wanita dalam kajian sejarah di Malaysia boleh dikatakan berpunca daripada beberapa sebab, antaranya, kerana tradisi penulisan sejarah nampaknya lebih tertumpu kepada politik, tokoh dan perang yang mana kaum lelaki berperanan unggul dan penting. Tumpuan sejarah kepada aspek-aspek ini juga bermaksud banyak sumber yang ditinggalkan adalah tentang kaum lelaki. Apabila penjajahan berlaku, fokus hubungan lebih berkisar antara pegawai kolonial dengan sultan dan pembesar Melayu. Justeru itu, kisah tentang kaum wanita tidak kelihatan dan kalau muncul pun, seperti yang diulas Barbara Andaya, semacam wujud satu panduan dalam penulisan sejarah

---

<sup>2</sup> *History Workshop*, misalnya, memberi tumpuan kepada penerbitan dari bidang sejarah feminis. Jurnal ini mula diterbitkan pada 1976 dengan nama “*journal of socialist historians*” tetapi kemudiannya pada keluaran tahun 1982 (No. 13), bertukar kepada “*journal of socialist and feminist historians*”. Ia menjadi medan membincangkan isu wanita dengan penerokaan metodologi baru dan skop yang lebih luas. Namun terdapat beberapa kajian menarik tentang wanita yang telah dihasilkan oleh pengkaji lelaki seperti, James Reed 1978. *From Private vice to public virtue: the birth control movement and American society since 1830*, New York: Basic Books; dan Allan M. Brandt 1985. *No Magic Bullet: A Social History of Venereal Disease in the United States since 1880*, Oxford University Press.

<sup>3</sup> Lihat antaranya, Barbara E. Ward (peny.) 1965. *Women in the New Asia: The Changing Social Roles of Men and Women in South and South-East Asia*, Paris: UNESCO. Kebanyakan penyumbang artikel dalam buku ini adalah daripada bidang sosiologi. Lihat juga, Penny Van Esterik (peny.) 1982. *Women of Southeast Asia*, Illinois: Center for Southeast Asian Studies, Northern Illinois University. Artikel yang terkandung dalam buku ini juga kebanyakannya daripada disiplin anthropologi. Satu kajian tentang wanita di Asia Tenggara dari aspek sejarah telah dihasilkan baru-baru ini. Lihat, Barbara W. Andaya (peny.) 2000. *Other Past: Women, Gender and History in Early Modern Southeast Asia*, Hawaii: Center for Southeast Asian Studies, University of Hawaii at Manoa.

kebangsaan di mana kisah kaum wanita ditetapkan hanya sebagai “tambahan” kepada sejarah aliran utama yang didokong oleh kaum lelaki.<sup>5</sup>

Masalah sumber merupakan satu lagi halangan besar untuk menulis sejarah kaum wanita. Di Eropah, penulisan sejarah sosial termasuk sejarah wanita menjadi kenyataan kerana masih ada sumber-sumber seperti rekod kampung, rekod sekolah, gereja, surat dan memoir yang boleh dijadikan rujukan. Di Asia Tenggara, rekod-rekod seperti ini sukar diperolehi kecuali di Filipina yang masih mempunyai rekod-rekod gereja yang boleh digunakan. Rekod-rekod kerajaan kolonial pula tidak banyak memberi tumpuan kepada aspek wanita kecuali untuk pelacuran dan penyakit kelamin. Rekod-rekod Belanda tentang Indonesia agak mengecewakan bagi mereka yang mengkaji sejarah wanita negera itu sebelum 1920-an.<sup>6</sup> Pengalaman yang sama turut dialami oleh negara Malaysia.

Di Malaysia, fokus kajian wanita tidak begitu meluas kerana pertimbangan terhadap soal sumber ternyata kuat mempengaruhi keputusan memilih bidang yang akan dikaji. Dalam hal ini bidang politik ternyata mempunyai lebih banyak ruang untuk kajian sejarah wanita di negara ini berbanding sejarah sosial. Kajian Lenore Manderson dan Virginia Dancz terhadap pergerakan politik wanita negara ini digerakkan oleh keyakinan bahawa dokumen-dokumen kerajaan dan pertubuhan politik yang tersimpan di Arkib Negara dan di pejabat pertubuhan politik di samping temuramah dengan tokoh pergerakan wanita yang masih hidup mampu merealisasikan

---

<sup>4</sup> Lihat, misalnya, Rosemary Firth 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants* (second edition), London: Athlone Press; Wazir Jahan Karim 1992. *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*, Boulder: Westview Press.

sebuah tulisan sejarah penglibatan kaum wanita dalam pergerakan politik tanahair.<sup>7</sup>

Malah kemudahan dari segi sumber juga menjadikan topik sedemikian popular di kalangan pelajar yang melakukan kajian untuk penulisan tesis.<sup>8</sup>

Menyedari kajian wanita merupakan suatu hal penting dalam proses pembangunan negara, banyak pihak telah tampil menerajui penerokaan ilmiah dalam aspek ini. Bibliografi tentang kajian kaum wanita mula diterbitkan bagi kegunaan penyelidik oleh badan-badan seperti Perpustakaan Negara dan Pusat Maklumat Perancang Keluarga Negara. Kebanyakan bibliografi ini dikumpul berdasarkan penerbitan kerajaan, laporan penyelidikan, pembentangan seminar, artikel dalam jurnal dan majalah, tesis pelajar universiti dan pelbagai sumber lagi.<sup>9</sup> Sementara itu usaha beberapa pihak menerbitkan memoir tokoh politik wanita dilihat sebagai satu petanda untuk tidak meminggirkan sumbangan tokoh politik wanita dalam sejarah pergerakan politik negara ini. Setakat ini dua buah memoir telahpun diterbitkan iaitu memoir Khatijah Sidek dan Aishah Ghani. Pemilihan menerbitkan memoir dalam bidang politik

---

<sup>5</sup> Barbara Watson Andaya, *Other Pasts*, hlm. 2.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>7</sup> Lihat, Lenore Manderson 1980. *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*, Kuala Lumpur: Oxford University Press; Virginia H. Dancz 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press. Kedua-dua pengarang ini menggunakan fail Malayan Union, fail UMNO, fail Pergerakan Kaum Ibu UMNO, akhbar dan temuramah dengan tokoh-tokoh politik wanita. Manderson memberi tumpuan kepada pergerakan Kaum Ibu UMNO sementara kajian Dancz merangkumi pergerakan politik wanita Melayu, Cina dan India.

<sup>8</sup> Lihat, Abdul Majid bin Ahmad Khan 1970. "An Analysis of the U.M.N.O. Kaum Ibu as a Women's Political Organisation," tesis Sarjana Muda Ekonomi dan Kepujian dalam Pentadbiran Awam, Universiti Malaya; Rosnah bt. Saad 1991/92. "Sejarah Perjuangan Wanita Melayu Menuntut Kemerdekaan, 1930-1957," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>9</sup> Lihat, misalnya, *Bibliografi Wanita Malaysia* oleh The National Clearinghouse on Women in Development, Kuala Lumpur: National Population and Family Development Board, Prime Minister's Department, 1990. Ia merangkumi aspek pembangunan ekonomi, kekeluargaan, kesuburan, kesihatan, pendidikan, sejarah, pertubuhan dan lain-lain. Lihat juga, *Wanita Malaysia: Suatu Bibliografi*, Kuala Lumpur: Perpustakaan dan Pusat Maklumat Lembaga Perancang Keluarga Negara, tanpa tarikh. Bibliografi ini meliputi penerbitan dari tahun 1970-1983 dari aspek pelajaran, ekonomi, sosiologi, sejarah, politik dan undang-undang. Lihat juga, *Women Studies in Malaysia – An Overview and a Reference Bibliography*, Kuala Lumpur: National Population and Family Development Board, 1991.

bukanlah luar biasa kerana penglibatan wanita dalam aspek ini seringkali menjadi kayu ukur kemajuan sesebuah masyarakat dan negara. Penerbitannya juga menghidangkan suasana baru dalam kajian wanita. Sedang kajian-kajian yang bergantung kepada sumber rasmi dan fail parti sebagaimana yang dilakukan oleh Manderson dan Dancz seringkali memberi kesimpulan bahawa pergerakan kaum wanita dalam politik negara ini adalah terhasil daripada “tulang rusuk” kaum lelaki dan perkembangannya ditentukan oleh kepimpinan lelaki meskipun ia adalah sebuah pertubuhan wanita terbesar di Tanah Melayu, memoir-memoir tersebut sebaliknya menunjukkan gerak sebenar penglibatan sesetengah wanita dalam politik tanahair adalah kerana didorong oleh kematangan dalam pemikiran dan kesedaran yang tinggi untuk mempertahankan kemerdekaan negara. Kemajuan pemikiran dan kesedaran inilah yang banyak memandu setiap keputusan yang diambil oleh tokoh-tokoh politik wanita sekalipun adakalanya keputusan tersebut menyebabkan mereka tersingkir daripada parti seperti yang berlaku kepada Khatijah Sidek yang pernah dipecat daripada UMNO pada 1956.<sup>10</sup>

Sementara itu usaha Arkib Negara Malaysia menjalankan projek sejarah lisan sangatlah membantu menambahkan maklumat tentang kaum wanita. Tokoh dan individu yang telah dilihat memberi sumbangan besar kepada negara sejak sebelum mahupun selepas Perang Dunia Kedua telah diwawancarakan oleh pihak Arkib. Senarai yang dikumpulkan sehingga 1991 turut melibatkan 29 orang wanita yang mana dua orang daripadanya merupakan wanita Inggeris yang pernah tinggal di Tanah Melayu

<sup>10</sup> Lihat, *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan, 1995. Khatijah Sidek merupakan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, 1954-56 yang telah disingkir daripada parti itu kerana banyak tindakannya dilihat bercanggah dengan kehendak parti UMNO. Namun yang lebih penting, penyingkiran ini juga berkait dengan kelantangan Khatijah dalam menuntut hak-hak yang lebih baik

kerana menemani suami mereka yang menjadi pegawai tinggi kerajaan kolonial.<sup>11</sup> Agak menarik, wawancara lisan ini bukan sahaja melibatkan wanita yang bergiat dalam politik tanahair tetapi juga daripada pelbagai bidang termasuk pendidikan dan seni. Usaha ini boleh dilihat sebagai satu percubaan pihak Arkib Negara untuk memecahkan tradisi penumpuan yang berlebihan terhadap bidang politik dan membuka laluan kepada bidang yang lebih luas. Malah usaha ini secara tidak langsung mendedahkan beberapa maklumat baru seperti kejayaan wanita Melayu menempa nama sebagai wanita pertama dihantar ke Jepun. Pemergian Rosna bt. Mahyuddin sebagai salah seorang wanita Melayu pertama dihantar belajar ke Jepun pada 1942 hingga 1944 dalam usia 11 tahun boleh dijadikan bahan kajian oleh pelajar dan penyelidik.<sup>12</sup>

Pada tahun 1992, Arkib Negara telah menerbitkan dua lagi buku tentang wanita. Satu daripadanya meliputi sumbangan penulis wanita dalam pelbagai bentuk seperti rencana, cerpen, syair, surat kiriman, resepi dan sejarah. Penglibatan sebelum merdeka malah sebelum Perang Dunia Kedua membuktikan sudah ramai penulis wanita yang berwibawa, berani dan bernas buah fikiran mereka dalam menyuarakan isu-isu tertentu yang menyangkutkan bukan sahaja diri wanita bahkan masyarakat seluruhnya.<sup>13</sup> Satu lagi penerbitan merupakan katalog yang berdasarkan bahan-bahan yang dipamerkan dalam pameran “Wanita Malaysia: Sejarah Cabaran Keberanian dan Kesungguhan” anjuran Arkib Negara yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 18 Ogos 1988. Oleh kerana bahan-bahan yang dipamerkan seperti gambar, keratan akhbar, objek kraftangan, carta

---

bagi Kaum Ibu UMNO; dan Aishah Ghani 1992. *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>11</sup> Aliza bt. Haji Ismail 1991. *Katalog Wawancara Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Dua orang wanita British yang dimaksudkan ialah Carlisle Ambler dan Lady Peggy Templer.

serta poster sejak abad ke-16<sup>14</sup> sehingga abad ke-20 dilihat berguna dari segi rujukan dan penyelidikan di samping “dapat menimbulkan minat orang ramai terhadap bahan-bahan Arkib dan kegunaannya sebagai sumber sejarah khususnya Wanita Malaysia waktu lalu dan sumber inspirasi pembangunan wanita Malaysia masa depan” maka ianya telah dibukukan.<sup>15</sup>

Selain kajian Manderson dan Dancz, satu lagi sumbangan penting dalam penulisan sejarah wanita khususnya wanita Melayu ialah hasil tulisan Cheah Boon Kheng. Meskipun hanya berupa sebuah artikel namun inilah julung kali sumber teks tradisional seperti *Sejarah Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Bustanus Salatin*, *Hikayat Patani* dan *Undang-Undang Melaka* digunakan sepenuhnya untuk menulis sejarah wanita Melayu sebelum penjajahan. Dengan memberi perhatian kepada kedudukan wanita dalam lingkungan istana di Melaka, Aceh dan Pattani serta Johor-Riau-Lingga antara abad ke-16 dan ke-17 dari sudut pengaruh dan kuasa, Cheah merumuskan wanita Melayu sejak zaman tradisi sebenarnya tidak pernah mengasingkan diri malah terlibat dalam intrik istana sekalipun terpaksa berperanan di belakang tabir.<sup>16</sup>

---

<sup>12</sup> S. L. 171 *Wawancara Lisan Puan Rosna bt. Mahyuddin*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>13</sup> *Dupa Sejarah: Penulisan Wanita Masa Lampau*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1992.

<sup>14</sup> Bagaimanapun untuk zaman abad ke-16, bahan-bahan merupakan sketsa sahaja.

<sup>15</sup> *Wanita, Cabaran dan Kesungguhan*, Katalog bahan-bahan pilihan pameran wanita, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1992.

<sup>16</sup> Lihat Cheah Boon Kheng 1996. “Di belakang Tabir: Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Wanita Melayu Dalam Politik Istana,” dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (peny.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, hlm. 102-125. Di Vietnam, fenomena yang sama kelihatan di mana kaum wanita lingkungan istana, di sebalik kesibukan menguruskan kerja-kerja domestik, turut berperanan menentukan keutuhan dan perpaduan sesuatu pemerintahan. Cuma berbeza dengan wanita dalam lingkungan istana Melaka yang kerap terlibat dalam intrik politik istana, wanita dalam lingkungan istana Vietnam menggunakan pengaruh mereka ke arah penyatuan dan pengukuhan sesuatu dinasti. Lihat O. W. Wolters 1999. *History, Culture, and Region in Southeast Asian Perspectives*. (revised edition) New York: SEAP Publications, hlm. 229-237.

Teks *Sejarah Melayu* ternyata menjadi pilihan ramai pengkaji yang mengkhusus kepada wanita Melayu. Sharifah Zaleha dan Ruzi Hashim merupakan antara pengkaji yang telah menggunakan teks tersebut untuk meneliti kedudukan kaum wanita Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ruzi Hashim mengambil langkah lebih berani dengan mengkhususkan kajiannya kepada peranan seorang wanita yang bernama Tun Kudu.<sup>17</sup> Meskipun teks *Sejarah Melayu* sendiri terdedah kepada kritikan oleh pengkaji Barat kerana mengandungi banyak unsur mitos yang dilihat mengaburi nilai kesejarahannya namun penerokaan oleh pengkaji tempatan membuktikan sumber teks tradisional tetap perlu dirujuk dengan cara atau kaedah tersendiri memandangkan inilah satu-satunya sumber yang boleh memberi gambaran tentang pemerintahan dan masyarakat zaman tradisional.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa tulisan sejarah dan juga berpandukan bibliografi kajian wanita Melayu amat jelas sejarah sosio-ekonomi wanita Melayu sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua tidak begitu menarik minat pengkaji. Dalam hal ini sejarah wanita Cina lebih banyak diterokai kerana sumber lebih mudah diperolehi dalam fail kerajaan memandangkan wanita Cina telah lama terlibat dalam sektor ekonomi secara terbuka. Kajian Lai Ah Eng, James Warren dan George Hick, sekurang-kurangnya memberi gambaran kehidupan dan kegiatan ekonomi di kalangan wanita Cina termasuk kegiatan pelacuran dan hamba seks semasa pemerintahan Jepun. Paling menarik, kajian-kajian ini menggunakan sumber yang jarang digunakan sejarawan. Kajian Warren, misalnya, menggunakan rekod-rekod koroner, mahkamah

---

<sup>17</sup> Sharifah Zaleha Syed Hassan 1998. "Identiti dan Citra Wanita berasaskan Sejarah Melayu," *Dewan Sastera*, Ogos, hlm. 32-37. Ruzi Hashim 2000. "Bringing Tun Kudu out of Shadows of Interdisciplinary

majistret, hospital dan hospital sakit jiwa untuk mengkaji kegiatan rumah pelacuran di Singapura di antara 1870 hingga 1940.<sup>18</sup> Kajian ke atas wanita India tidaklah banyak dijalankan. Selain kajian Dancz yang ada menyentuh tentang penglibatan wanita India dalam arena politik di Tanah Melayu, serba sedikit maklumat tentang wanita India boleh didapati dalam kajian tentang orang India di Tanah Melayu dan beberapa tesis yang dihasilkan oleh pelajar di Pusat Pengajian Tinggi.<sup>19</sup>

Adakah wanita Melayu terpinggir atau menyisihkan diri dalam pembangunan sosio-ekonomi? Penglibatan wanita Melayu dalam sektor ekonomi seawal-awalnya dicatat dalam sumber Cina dan sumber Portugis. Sumber China, *Hai Yu*, menyebut tentang kemunculan wanita sebagai peniaga pasar malam dan bermiaga di sepanjang jalan di bandar Melaka. Fakta ini disokong oleh catatan Tome Pires yang menyifatkan kegiatan perniagaan oleh kaum wanita ini telah menjadi sumber pendapatan penting bagi pertumbuhan Melaka menerusi cukai yang dibayar kepada pembesar yang

---

Approaches to Understanding the Female Presence in the Sejarah Melayu," dalam Barbara W Andaya, *Other Pasts*, hlm. 105-124.

<sup>18</sup>James Francis Warren 1993. *Ah Ku and Karayuki-San: Prostitution in Singapore, 1870-1940*, Oxford University Press; Lihat juga Lai Ah Eng 1986. *Peasants, Proletarians and Prostitutes: A Preliminary Investigation into the Work of Chinese Women in Colonial Malaya*, Institute of Southeast Asian Studies, Research Notes and Discussions Paper, No. 59. Kajian ini melihat kedudukan wanita Cina di Tanah Melayu dalam konteks hubungan kelas, etnik dan gender menerusi penglibatan mereka sebagai pelacur, pekerja dan petani di zaman kolonial; George Hick 1995. *The Comfort Women: Sex-Slaves of the Japanese Imperial Forces*, Singapore: Heinemann Asia. Kemunculan kumpulan pembantu rumah juga menarik perhatian para pengkaji. Di Pulau Pinang, misalnya, peranan "the black and white amah" dalam masyarakat Cina di negeri itu terutamanya pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua dilihat unik bukan sahaja sebagai kumpulan yang tidak mahu berkahwin malah mampu berdikari dari segi ekonomi, satu keadaan yang diwarisi dari negeri China. Lihat Ooi Keat Gin 1992. "The Black and White Amahs of Malaya," *JMBRAS*, 65(2), Bah. 2, hlm. 69-84.

<sup>19</sup>Lihat, antaranya, S. Arasaratnam 1979. *Indians in Malaysia and Singapore* (revised edition), London Oxford University Press; Nisha Bhatt 1999. "Sejarah Sosio-Ekonomi Pekerja Wanita Estet India di Tanah Melayu," tesis sarjana (Sejarah), Universiti Sains Malaysia; Sarojini Appathurai 1971. "Socio-Economic Aspects of Women Plantation Workers: A Case Study of the Indian Women Workers of Ladang Tengah," tesis Sarjana Muda, Universiti Malaya.

menguasai jalan-jalan di Melaka.<sup>20</sup> Secara umumnya, sejarah di Asia Tenggara menyaksikan kaum wanita terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti penanaman padi dan pemasaran selain muncul sebagai pemerintah. Pola ini tidak diganggu gugat dengan kedatangan agama Islam, Kristian dan Buddha malah pernah dihujahkan sebagai satu sebab mengapa kehadiran anak-anak perempuan di Asia Tenggara tidak pernah dipersoalkan berbanding di negara China, India dan Timur Tengah.<sup>21</sup> Sumber-sumber tempatan seperti *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka* memperkuatkannya hakikat bahawa wanita Melayu memberi sumbangan tersendiri dalam pertumbuhan ekonomi Kesultanan Melaka samada dalam aspek pertanian, perniagaan maupun pelayaran.<sup>22</sup>

Di abad yang lebih terkemudian, wanita Melayu muncul sebagai peniaga penting yang bersaing dengan kaum lelaki. Isteri Raja Muda Selangor, misalnya, terlibat dalam perniagaan bijih timah, beras, kain dan mempunyai hubungan dagang dengan Francis Light.<sup>23</sup> Catatan Munshi Abdullah mengukuhkan lagi perihal sifat keusahawanan yang mengalir dalam diri wanita Melayu khususnya di Pantai Timur sewaktu beliau membuat lawatan ke negeri itu antara tahun 1837 hingga 1838. Di Trengganu, Abdullah mencatat wanita di negeri itu memikul tanggungjawab berat mencari rezeki seperti bekerja, berkedai di pasar, berjaya dan membuat pelbagai pekerjaan sehingga mengabaikan anak-anak dan rumah tangga kerana kaum lelaki tidak

<sup>20</sup>Geoff Wade 1997. "Melaka in Ming Dynasty Texts," *JMBRAS*, 80(1), hlm. 55; dan Armando Cortesao (peny.) 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, London: The Hakluyt Society, hlm. 274.

<sup>21</sup>Anthony Reid 1988. "Female Roles in Pre-Colonial Southeast Asia," *Modern Asian Studies*, 22(3), hlm. 629.

<sup>22</sup>Khasnor Johan 1999. "The Undang-Undang Melaka: Reflections on Malay Society in Fifteenth-Century Malacca," *JMBRAS*, 72(2), hlm. 147. Wanita biasanya mengikut suami atau hamba mengikut tuannya dalam sesuatu pelayaran.

gemar berusaha mencari rezeki. Keadaan yang serupa berlaku di Kelantan yang disebutnya “maka sahaya lihat penuhlah pasar itu dengan perempuan; dan segala yang berkedai dan berjaja itu perempuan belaka.”<sup>24</sup>

Ciri-ciri keusahawanan wanita Kelantan ini turut diiktiraf oleh pentadbir-pentadbir British seperti Hugh Clifford dan W. A. Graham, Penasihat Kewangan yang dilantik Siam ke negeri itu pada awal abad ke-20. Clifford mahupun Graham mengakui wanita Melayu Kelantan tidak kekok berada dalam lingkungan orang awam, berjualan sepanjang hari di pasar dan tidak segan berbual dengan orang yang baru mereka temui - satu keadaan yang amat berlawanan dengan tuntutan adat Melayu waktu itu.<sup>25</sup> Mereka juga terlibat dalam pelacuran sebagaimana yang dicatatkan oleh Abdullah. Mungkin kerana keterbukaan sikap, pergaulan atau juga masalah kemiskinan menyebabkan mereka terjerumus ke dalam kegiatan sedemikian. Apa yang menarik perhatian Abdullah “maka adalah adat dalam negeri itu, tiada menjadi hina akan pekerjaan yang demikian itu.” Kegiatan pelacuran ini berterusan sehingga awal dan pertengahan abad ke-20.<sup>26</sup> Keaktifan wanita Melayu Kelantan samada membuat satu pekerjaan atau

<sup>23</sup> Annabel Teh Gallop 1994. *The Legacy of the Malay Letter Warisan Warkah Melayu* (with an essay by E. U. Kratz), London: British Library, hlm. 130.

<sup>24</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi 1981. *Kisah Pelayaran Abdullah* (edisi baru dengan pengenalan dan anotasi oleh Kassim Ahmad), Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 28, 29, 48 dan 56.

<sup>25</sup> Hugh C. Clifford 1989. *In Court and Kampong* (revised edition, first published in 1897), Singapore: Graham Bash, hlm. 17; dan W. A. Graham 1908. *Kelantan: A State of the Malay Peninsula*, Glasgow: James Maclehose and Sons, hlm. 24-25.

<sup>26</sup> Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, hlm. 58. Satu kajian tentang kegiatan pelacuran wanita Melayu di Kelantan pada dekad pertama abad ke-20 telah dihasilkan. Lihat, Haryati Hasan 1997/98. “Pelacuran Di Kalangan Wanita Melayu Kelantan Dari 1900 Sehingga 1941,” Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Antara lain, punca berlakunya pelacuran di kalangan wanita Melayu ini ialah kerana keruntuhan institusi perkahwinan, keruntuhan moral, ingin cepat mendapat kesenangan hidup, kemiskinan dan terpedaya. Seruan daripada kaum wanita Kelantan kepada pihak berkuasa dan orang-orang berada di negeri itu untuk meningkat mutu kehidupan kaum ibu terutamanya bagi memberi pertolongan kepada kaum ibu yang ‘jahat’ juga tersiar dalam akhbar *Kenchana*, bil. 3, 1930 dengan tajuk “ikhtiar Tambahkan Mutu Kaum Ibu” yang ditulis oleh Wok binti Abdullah. Akhbar ini diterbitkan di Kelantan pada 1930.

pelbagai pekerjaan, kerja bermusim atau membantu suami merupakan ciri penting wanita Melayu negeri itu sehingga 1940-an dan keupayaan mereka berdikari dilihat sebagai salah satu sebab mengapa perceraian tidak dianggap satu malapetaka besar oleh wanita Melayu di negeri itu.<sup>27</sup> Ciri-ciri keusahawanan wanita Kelantan terus kelihatan sehingga hari ini.

Di beberapa negeri Melayu yang lain, kegiatan bertenun dikuasai sepenuhnya oleh kaum wanita samada dari kelas bangsawan mahupun rakyat biasa. Di Selangor, wanita Melayu terkenal dengan pembuatan kain sarong dari benang emas. Industri ini, walau bagaimanapun, musnah dengan perang saudara yang berlanjutan pada pertengahan abad ke-19. Di Kedah, kaum wanitanya menghasilkan bakul-bakul yang kemas buatannya. Bagi golongan rakyat biasa kerja-kerja ini hanyalah kerja sampingan kerana kerja utama masih lagi membantu usaha di sawah. Anak-anak perempuan daripada keluarga miskin sejak kecil lagi dilatih membantu kerja-kerja ringan di sawah.<sup>28</sup> Di Perak, wanita Melayu terlibat sepenuh masa dalam penanaman padi. Tidak kurang juga yang menjadi hamba dan hamba berhutang akibat tekanan ekonomi dan hutang keluarga. Mereka terpaksa menjadi pembantu rumah atau dayang di istana raja dan di rumah orang bangsawan malah sesetengahnya dipaksa melacur. Amat memerlukatkan dalam tahun 1878, didapati pemodal terbesar dalam perniagaan hamba berhutang di Perak adalah juga dari kalangan kaum wanita.<sup>29</sup>

<sup>27</sup>Rosemary Firth, *Housekeeping Among Malay Peasants*, hlm. 29-30.

<sup>28</sup>F. Swettenham 1906. *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: John Lane The Bodley Head, hlm. 151-152.

<sup>29</sup>J. M. Gullick 1972. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 138.

Dari tinjauan umum ini amat jelas wanita Melayu telah terlibat dalam kegiatan ekonomi sejak sebelum kedatangan penjajah lagi. Mereka sudah memahami konsep kerja dan mencari rezeki untuk menyara keluarga. Tidak kurang pula yang bersaing dengan kaum lelaki dalam perdagangan. Wanita yang kaya mampu mewariskan harta kepada suami, anak dan keluarga. Walau bagaimanapun, penglibatan ini tidak mudah ditulis kerana masalah sumber sebagaimana yang telah dibincangkan. Meskipun ada sumber teks tradisional, maklumat tentang kaum wanita sangatlah sedikit. Penggunaan sumber-sumber luar seperti sumber China, Arab, Portugis, Belanda dan Siam pula memerlukan pengetahuan bahasa berkenaan dan belum tentu mengandungi banyak maklumat tentang wanita.

### **Kajian dan Sumber**

Kajian ini memberi tumpuan kepada sejarah sosio-ekonomi wanita Melayu Kedah dengan mengkhusus kepada aspek tanah, harta pesaka, permodalan, pendidikan dan kesihatan. Tumpuan kepada sejarah wanita di satu negeri ini bertujuan untuk menambahkan lagi maklumat tentang kaum wanita di negara ini.<sup>30</sup> Ia juga didorong oleh hasrat untuk meneliti sejarah perkembangan wanita Melayu di negeri itu selari dengan kemajuan yang ditunjukkan oleh Kedah sendiri. Kedah mempunyai sejarah perkembangan yang menarik. Selain pengiktirafan umum sebagai kerajaan yang tertua di Semenanjung, Kedah merupakan negeri Melayu yang berjaya mengelakkan tekanan perluasan kuasa Eropah dengan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang

<sup>30</sup> Antara kajian tentang wanita Kedah yang ada setakat ini ialah tesis yang ditulis Janet Frances Carsten. Kajian ini, walau bagaimanapun, bukan daripada disiplin sejarah. Lihat, Janet Frances Carsten 1988. "Women, Kinship and Community in a Malay Fishing Village on Pulau Langkawi," Ph. D. Thesis, London School of Economics and Political Science; dan Diana Wong 1987. *Peasants in the Making of Malaysia's Green Revolution*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. Kajian ini memberi tumpuan kepada

diwujudkan oleh penjajahan tanpa memerlukan tunjuk ajar daripada orang Barat. Negeri Kedah seringkali dilihat oleh pihak British sebagai negeri Melayu tulen yang dapat mencontohi corak pentadbiran kolonial dengan mewujudkan pejabat yang teratur yang meliputi hal ehwal pertadbiran, tanah dan ukur, mahkamah perundangan hingga ke pejabat Ketua Audit dan hanya mengambil orang Melayu sebagai pekerja. Pihak British terpaksa akur bahawa tidak banyak yang perlu dilakukan apabila mereka menjajah negeri itu pada 1909 selain memperkemaskan struktur yang sedia ada.<sup>31</sup>

Begitu juga tanggapan bahawa Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu jauh ketinggalan daripada Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu harus diteliti semula kerana Kedah menunjukkan kekecualian dalam banyak perkara. Dari aspek pendidikan misalnya, Kedah mengatasi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dari segi penubuhan sekolah Melayu berikutan tertubuhnya sekolah Jawi (Melayu) pada 1861 sedangkan sekolah Melayu yang pertama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hanya dibina di Selangor pada 1875. Tidak dapat dinafikan pencapaian dalam bidang pendidikan dan pembangunan negeri sebenarnya berkait rapat dengan gerak kesedaran pemerintah dan orang tempatan. Sifat pemerintah Kedah yang suka mengembara ke negara lain menjadi aset penting dalam memajukan negeri. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin (1710-1778) pernah mengembara dan menetap di India untuk belajar agama sebelum menjadi Sultan. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) yang melawat Siam sebanyak tiga kali telah mengusahakan pembinaan jalanraya dari

---

hal-hal berkaitan ekonomi pertanian di Kedah pada 1970-an yang turut membabitkan sumbangan wanita sebagai sebahagian daripada isi rumah.

<sup>31</sup> Untuk melihat pandangan pegawai British terhadap kemajuan yang dicapai oleh Kedah, lihat, Khoo Kay Jin 1990. "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme: 1880-1909," dalam Cheah Boon Kheng dan

Kedah hingga ke sempadan Singgora, menempatkan seorang doktor berbangsa Hindu dari Madras untuk berkhidmat di Kota Setar dan mengambil seorang Kapten berbangsa Inggeris untuk mengajar anak-anak raja dan bangsawan menjadi sepahi.<sup>32</sup> Pengaruh yang ditunjukkan hasil perhubungan dengan Pulau Pinang dan juga Siam sangat ketara dalam usaha pemodenan yang digerakkan oleh kerajaan Kedah. Sultan Abdul Hamid, seorang lagi sultan yang banyak melawat negara luar seperti Siam, Burma dan India tidak ketinggalan memperkenalkan pembaharuan dalam pendidikan, perubatan, ekonomi dan sebagainya. Sewaktu melawat Siam pada 10 Jun 1890, beliau meninggalkan adiknya, Tunku Mahmud, untuk belajar di Bangkok.<sup>33</sup> Fenomena anak-anak Raja Kedah belajar di Siam bukanlah luar biasa terutamanya selepas peristiwa serangan Siam ke atas Kedah pada 1821 yang menyebabkan ramai keluarga diraja ditawan dan dibawa ke Siam. Hasilnya di Siam wujud penempatan masyarakat Melayu yang berasal dari Kedah sebagaimana juga kewujudan masyarakat Kedah di Pulau Pinang dan Seberang Perai akibat perang tersebut.

Tidak dinafikan kapitalisme yang bergerak maju di Pulau Pinang menjadi satu dorongan kepada kegiatan sosio-ekonomi orang tempatan. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1804-1843) sendiri menyaksikan perkembangan sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Selat khususnya di Pulau Pinang dan Melaka sejak menjadi pelarian perang pada 1821. Pada 1816, Penang Free School iaitu sekolah Inggeris yang pertama di Tanah Melayu telah ditubuhkan di Pulau Pinang. Pulau Pinang

---

Abu Talib Ahmad (peny.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 178.

<sup>32</sup> Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 97, 214-218.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 240.

juga mendahului negeri-negeri lain dari segi pembukaan sekolah Melayu berikutan tertubuhnya Sekolah Melayu Sungai Gelugor pada 1826. Perkembangan sekeliling ini menjadi contoh yang diikuti oleh Kedah. Barangkali inilah satu keberuntungan Kedah jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain seperti Kelantan yang juga sudah terdedah kepada hubungan dengan kapitalis dari Singapura khususnya pedagang Cina sejak 1820-an lagi namun mungkin kerana jarak yang jauh, kesan hubungan itu ke atas rakyat jelata tidaklah begitu ketara.<sup>34</sup> Sekolah Melayu di Kelantan, misalnya, hanya bermula pada 1903. Sekolah aliran Inggeris yang pertama di negeri itu dibuka pada 1936, dan ini diikuti dengan sekolah perempuan aliran Inggeris yang pertama pada 1938.<sup>35</sup> Tarikh ini jauh lebih lewat daripada penubuhan sekolah Inggeris lelaki dan perempuan di Kedah yang bermula sejak 1908 dan 1924. Perkembangan dalam aspek pendidikan ini menunjukkan Kedah tidak pernah terpisah dari pencapaian negeri-negeri Melayu lain malah amat menakjubkan sekali negeri ini berjaya menghasilkan doktor wanita yang pertama di negara ini, satu pencapaian yang tidak pernah berlaku di Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain yang ciri kemasyarakatan dan kegiatan ekonominya hampir sama dengan Kedah.

<sup>34</sup> Wong Lin Ken 1960. "The Trade of Singapore, 1919-1969, JMBRAS, 33(4), hlm. 78-80. Perdagangan perahu *pukat* dengan negeri-negeri Pantai Timur Tanah Melayu memberi pulangan yang menguntungkan kepada Singapura berbanding dengan keuntungan yang diperolehi daripada hubungan perdagangan dengan negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung. Perdagangan ini dikuasai sepenuhnya oleh orang Cina di samping sedikit pedagang *pukat* berbangsa Melayu. Selain dapat mengimpor emas, rotan, garam, lada hitam dan lain-lain hasil mahsul dari Tanah Melayu, saudagar Cina juga berjaya mengeksport sejumlah besar candu berikutan wujudnya masyarakat pelombong Cina di Kelantan dan Pahang. Sejak 1829, nilai perdagangan Singapura dengan Negeri-Negeri Pantai Timur Tanah Melayu ialah \$1,019,468 berbanding dengan hanya \$22,970.00 yang dipungut hasil hubungan perdagangan dengan Negeri-Negeri Pantai Barat.

<sup>35</sup> Shaharil Talib 1995. *History of Kelantan*, MBRAS, Monograph No. 21, hlm. 139-141.

Penegasan di atas, walau bagaimanapun, tidak bermaksud kapitalisme yang bertanggungjawab sepenuhnya mengubah kehidupan wanita Melayu di negeri itu sebagaimana teori-teori yang biasa dikaitkan dengan kaum wanita. Hujahan Boserup bahawa kemasukan pentadbiran dan ekonomi kapitalis menyebabkan wanita terpinggir dalam segala aspek kehidupan, kuasa dan pengaruh nampaknya diterima oleh sesetengah pihak sebagai sesuai untuk menerangkan kedudukan wanita di negara-negara yang pernah mengalami penjajahan termasuklah Asia Tenggara.<sup>36</sup> Kelebihan autonomi relatif dalam kegiatan ekonomi yang dinikmati wanita di rantau ini sejak zaman tradisional dikatakan musnah dengan kemasukan penjajahan yang akhirnya mewujudkan dimensi baru pergantungan kepada kaum lelaki. Melalui pembahagian buruh dan upah serta kemunculan tanah sebagai komoditi wanita semakin terpinggir dalam sektor pertanian.<sup>37</sup> Ini adalah kerana kolonialisme membawa masuk kaedah pertanian moden dan serentak dengan tanggapan bahawa kaum lelaki lebih “superior” dari segi cara bercucuk tanam maka mereka dilatih menggunakan cara moden dalam penanaman sementara kaum wanita terus kekal menggunakan kaedah penanaman

<sup>36</sup>Lihat E. Boserup 1970. *Women's Role in Economic Development*, New York: Martin's Press, hlm. 61. Di sesetengah tempat di Asia Tenggara, kemasukan pentadbiran British bertanggungjawab memindahkan hak-hak wanita ke atas tanah kepada kaum lelaki sebagaimana yang berlaku di Negeri Sembilan. Peralihan ini berlaku apabila pihak British mula menetapkan hanya tanah-tanah yang benar-benar diusahakan oleh kaum wanita sahaja boleh diperturunkan kepada anak-anak perempuan sementara kawasan yang direhatkan dalam sistem pertanian pindah perlu didaftarkan untuk memastikan pewarisan oleh pihak wanita berterusan. Dengan cara ini kaum wanita kehilangan hak ke atas tanah-tanah hutan dan ini terbukti menjadi satu kerugian besar kepada kaum wanita negeri itu apabila kaum lelaki mula menanam pokok getah di kawasan tanah hutan. Lihat juga, Glen Chandler et. al. 1988. *Development and Displacement: Women in Southeast Asia*, Australia: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University. Kebanyakan rencana yang terdapat di dalam buku ini mengukuh atau membenarkan teori Boserup bahawa kapitalisme telah menghapuskan keistimewaan yang dinikmati wanita Asia Tenggara sejak tradisi dan menjadikan mereka sebagai golongan yang lebih bergantung kepada kaum lelaki.

<sup>37</sup> Di daerah Murung'a di Afrika Timur pada akhir abad ke-19, misalnya, kedudukan wanita masih diiktiraf penting oleh *sub clan* dalam soal pemilikan tanah kerana mereka diiktiraf sebagai pengusaha pertanian yang utama dan juga kerana wanita merupakan saluran pewarisan tanah kepada anak-anak lelaki. Namun dengan kemasukan penjajah pada awal abad ke-20, perubahan berlaku dalam konsep tanah tradisi. Tanah kini menjadi satu komoditi. Ia perlu dibeli, boleh dijual dan ditebus semula. Memandangkan kaum lelaki berupaya menawarkan tenaga buruh untuk kerja yang mendatangkan upah maka mereka mempunyai lebih

tradisional. Jurang ini semakin diperluaskan apabila pendidikan awal mula diperkenalkan. Anak-anak lelaki lebih ramai dihantar ke sekolah sementara anak-anak perempuan diajar di rumah dengan kepercayaan-kepercayaan tradisional oleh ibu mereka yang buta huruf. Diskriminasi dalam polisi pendidikan ini akhirnya membesarkan jurang di antara kaum lelaki dan wanita.

Pengaruh hujahan Boserup menular kepada kajian wanita di Malaysia, antaranya, dalam tulisan Marie-Andree Couillard pada 1990.<sup>38</sup> Salah satu perkara yang dihujahkan oleh Couillard ialah wujudnya hubungan gender yang setaraf atau apa yang disebut “*relative autonomy of the individuals*” dalam masyarakat Melayu pra penjajahan dengan alasan bahawa wanita Melayu di zaman itu terlibat secara aktif sebagai pengeluar dalam sistem pengeluaran utama. Golongan ini menikmati sepenuhnya hasil titik peluh mereka dan mempunyai kuasa tertentu dalam ruang keluarga terutamanya berkait dengan tugas melahir dan membesarakan anak-anak yang dari satu segi merupakan satu jaminan terhadap penguasaan buruh dalam keluarga. Ciri-ciri autonomi relatif ini, walau bagaimanapun, tergugat dengan kedatangan penjajahan. Pengenalan bentuk ekonomi kapitalis yang dibawa oleh penjajah banyak mengubah dan menjelaskan kekuatan ekonomi dan kuasa yang dinikmati wanita Melayu sebelum ini terutamanya apabila pembahagian buruh mula wujud. Sejak itu bermulalah sikap membezakan pekerjaan yang dianggap sesuai bagi lelaki dan apa yang dianggap sesuai bagi seorang wanita. Bidang pekerjaan yang mendatangkan upah, misalnya,

---

banyak peluang untuk memiliki tanah. Lihat, Fiona Mackenzie 1990. “Gender and Land Rights in Murung'a District, Kenya,” *The Journal of Peasant Studies*, 17(4), hlm. 609-624.

<sup>38</sup>Marie-Andree Couillard 1990. “The Pangs and Pitfalls of Development for Malay Women: From the Rule of the Domestic Sphere to its Downfall,” *Kajian Malaysia*, 8(1), hlm. 68-92. Kajian ini telah diulas oleh Khoo Kay Jin pada 1990. Lihat ulasan artikel beliau bertajuk “Some Reflection on Couillard’s The Pangs

menjadi dominasi kaum lelaki sementara urusan rumahtangga semakin menjadi ruang kaum wanita.

Dalam meninjau perkembangan sosio-ekonomi wanita Melayu di Kedah, beberapa persoalan akan diteliti, misalnya, apakah benar wanita Melayu sebelum penjajahan, seperti yang diujahkan oleh Couillard, menikmati hubungan gender yang setaraf atau menikmati autonomi yang relatif terhadap hasil usaha mereka dan sejauhmanakah kapitalisme menjadi faktor yang bertanggungjawab sepenuhnya menjadikan kaum wanita yang dahulunya bergiat mencari rezeki terpinggir dan bergantung kepada kaum lelaki dalam segenap hal. Persoalan ini memerlukan penelitian lanjut kerana penjajahan dan kapitalisme dilihat oleh ramai pengkaji sebagai gerak kuasa besar yang telah mengubah nasib kaum wanita menjadi lebih bergantung kepada kaum lelaki.

Memang tidak dinafikan kapitalisme moden dan perluasannya ke negeri-negeri Melayu menuntut penyesuaian oleh golongan pemerintah tempatan dan oleh rakyatnya. Adakalanya penyesuaian ini menuntut aturan ekonomi, politik dan sosial yang lama dihapuskan. Penyesuaian ini juga berlaku di Kedah namun dalam suasana yang berbeza. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Mohd. Isa Othman, walaupun Kedah hanya dijajah pada 1909, hubungan dengan sistem ekonomi kapitalis telah bermula lebih awal melalui hubungan perdagangan dengan Pulau Pinang. Hasil-hasil pertanian dari Kedah dibawa ke Pulau Pinang. Pemodal Cina juga sudah membuat pelaburan di negeri itu, misalnya, dalam pemasaran padi dan beras. Hubungan ini, walau bagaimanapun, lebih

berlegar antara pemodal dengan sultan dan pembesar yang masing-masing mendapat keuntungan daripada kerjasama tersebut. Petani tidak terlibat dalam pemasaran sebaliknya bertumpu kepada pengeluaran. Sebelum penjajahan lagi rakyat sudah berdepan dengan eksloitasi dari segi pemasaran beras kerana ia telah dipajak sultan kepada pemodal Cina dari Pulau Pinang. Rakyat khususnya petani juga sudah terdedah kepada kegiatan ekonomi komersil meskipun bukan secara besar-besaran dengan kemasukan kilang-kilang padi milik pemodal Cina. Keadaan ini tetap berterusan selepas penjajahan. Justeru itu menurut Mohd. Isa, sistem ekonomi kapitalis tidak berkembang dari dalam sebaliknya dibawa masuk dari luar oleh pemodal asing tanpa mengubah cara pengeluaran tradisional. Cuma sebelum penjajahan kemasukan pemodal asing ini dibuat dengan begitu berhati-hati kerana perlu berhadapan dengan corak pemerintahan tempatan. Mereka bergantung kepada hubungan peribadi yang baik dengan sultan. Hanya selepas penjajahan, kapitalisme mendapat jalan masuk yang lebih mudah kerana kerajaan mula mengenakan kawalan tertentu secara perundangan dan paksaan untuk memastikan pengaliran masuk dan keluar modal yang menguntungkan.<sup>39</sup>

Pandangan ini secara tidak langsung mencadangkan nasib masyarakat petani sebenarnya tidak banyak berubah dengan kehadiran kapitalisme. Seperti yang dihujahkan oleh Khoo Kay Jin, mereka tidak dibimbing ke arah baru. Kuasa sosio-ekonomi yang memberi kesan dan membentuk masa depan mereka bukanlah baru.<sup>40</sup> Sekiranya dahulu mereka menghadapi pemerasan daripada pemerintah kini mereka berhadapan pula dengan eksloitasi pemodal. Perkara yang sama turut dialami oleh

---

*Kajian Malaysia*, 8(2), hlm. 103-123.

<sup>39</sup> Mohd. Isa Othman 2001. *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hlm. 50-57.

kaum wanita. Konsep mencari rezeki untuk membantu keluarga yang dipikul sebelum penjajahan sebagaimana yang disahkan oleh undang-undang tradisional Kedah tetap berterusan dengan kedatangan kolonialisme dengan tekanan baru yang lebih mencabar. Namun wanita Melayu Kedah terbukti tidak mengalah dengan tekanan ini malah tidak ketinggalan dalam usaha pengumpulan harta seperti tanah dan kegiatan permodalan yang lain. Sumbangan golongan ini dalam aspek ekonomi terutamanya pertanian diakui penting oleh British malah menjadi sebab mengapa perkhidmatan kesihatan untuk kaum ibu dan kanak-kanak dipergiatkan di kalangan wanita Melayu di negeri itu memandangkan golongan ini merupakan pengeluar bahan makanan yang penting. Dengan tanggapan sebegini, aspek pendidikan wanita yang diasaskan oleh orang tempatan sendiri kurang diperkembangkan oleh pihak British meskipun ada tuntutan daripada rakyat kerana bagi British kerja-kerja di sawah tidak memerlukan ilmu pengetahuan yang tinggi. Ia mendedahkan sifat sebenar penjajah dalam memperkembangkan sekolah-sekolah perempuan di negeri itu. Walau bagaimanapun sifat dan tujuan sebenar ini sering disembunyikan dengan meletakkan sepenuhnya kelembapan wanita Melayu menerima pembaharuan dalam pendidikan dan kesihatan kepada kesilapan orang Melayu sendiri yang terlalu mempercayai adat resam karut dan bersikap prejudis terhadap pembaharuan yang dibawa dari Barat.

Kajian sosio-ekonomi wanita Melayu Kedah membawa kepada penggalian sumber yang sangat luas bagi membolehkan suatu sejarah wanita Melayu Kedah dapat ditulis. Sebahagian besar sumber dan dokumen di perolehi daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dengan sumber tambahan turut diperolehi di Arkib Negara

---

<sup>40</sup> Khoo Kay Jin 1990. "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme," hlm. 192.

cawangan Kedah. Antara sumber penting ialah Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Kedah. Di sinilah terkumpulnya segala agenda pentadbiran yang dibincangkan sejak terbentuknya Majlis Mesyuarat Negeri Kedah pada 1905. Memandangkan isu wanita bukanlah agenda utama fail-fail kerajaan, dokumen kerajaan yang diperolehi disemak dari tahun ke tahun untuk menyedut keluar hal yang ada sangkut paut dengan wanita Melayu. Penyemakan Fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah, misalnya, bermula daripada fail tahun 1908 sehingga 1940. Kebanyakan fail masih dalam keadaan baik walaupun untuk tahun-tahun yang lebih awal (sebelum 1920), fail yang ada hanya dalam bentuk kulit sahaja atau mengandungi sehelai dua lampiran. Namun kulit-kulit fail ini juga diteliti kerana adakalanya maklumat penting seperti pandangan peribadi pemerintah dan pentadbir tercatat di bahagian tersebut.

Selain fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah, penelitian juga dibuat terhadap fail Pejabat Tanah untuk beberapa daerah, dokumen Pejabat Harta Pusaka, fail Mahkamah Alor Star, Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri, Laporan Tahunan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan, Laporan Tahunan Perubatan dan enakmen-enakmen yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Kedah. Banci penduduk, akhbar dan majalah turut diteliti di samping penggunaan pita rakaman tentang tokoh. Kajian yang teliti juga dibuat ke atas teks *Undang-Undang Kedah* khususnya yang disalin untuk Ku Din bin Ku Meh pada tahun 1893. Undang-undang ini memberi maklumat penting tentang kegiatan ekonomi khususnya pertanian, soal tanah dan hak milik tanah dan hukuman bagi kesalahan jenayah di zaman pra penjajahan. Di dalam undang-undang ini juga terkandung fasal-fasal berhubung hak wanita ke atas harta sepencarian dan juga kesalahan jenayah yang melibatkan wanita

sebagai mangsa. Penyelidikan di Arkib Negara Cawangan Kedah pula memberi tumpuan kepada koleksi Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid. Selain itu penyelidikan juga turut dijalankan di perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Muzium Negeri Kedah.

Tempoh kajian pula meliputi tahun 1881 sehingga 1940 iaitu sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Pemilihan tempoh ini dibuat berdasarkan hakikat bahawa Kedah telahpun berganjak paradigmnya dengan tumpuan penuh kepada pembangunan sosio-ekonomi semasa berada di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid sehingga beliau dianggap sebagai pengasas pemodenan Kedah. Gerak pembaharuan yang meliputi aspek pentabiran dan ekonomi yang mana usaha pertanian seperti pembinaan Terusan Wan Mat Saman pada 1885 telah berjaya menukarkan Kedah daripada kawasan paya menjadi kawasan jelapang padi yang luas, infrastruktur, pembinaan sekolah Melayu yang sangat menggalakkan, kemudahan dari segi perubatan dengan melantik seorang doktor di Kota Setar dan percubaan menghapuskan amalan orang berhutang sebenarnya bermula sebelum kehadiran British lagi. Kedatangan British pada 1909 hanya meneruskan usaha tersebut dengan cara lebih giat dan tersusun terutamanya menerusi penguatkuasaan undang-undang. Pendekata, tempoh 1881 hingga 1940 menyaksikan pencapaian Kedah sebelum penjajahan dan selepas penjajahan yang turut melibatkan kaum wanita sebagai sebahagian daripada masyarakat.

Kajian dibahagikan kepada tujuh bab. Bahagian pengenalan dimulakan dengan perbincangan mengenai kedudukan wanita Melayu dalam sejarah penulisan sejarah negara ini. Perbincangan ini penting untuk menunjukkan mengapa suatu sejarah sosio-

ekonomi wanita Melayu yang komprehensif belum dapat ditulis meskipun penglibatan dan sumbangan wanita Melayu dalam aspek tersebut bukanlah perkara yang baru. Antara perkara yang dibangkitkan ialah masalah sumber dan kecenderungan kepada penulisan sejarah politik yang turut menjadi faktor mengapa kurang kecenderungan di kalangan sejarawan untuk menerokai penyelidikan dan penulisan tentang wanita Melayu. Bab kedua pula membincangkan kedudukan wanita Melayu dalam masyarakat pra penjajahan. Perbincangan ini memberi satu latar belakang tentang bagaimana wanita Melayu pra penjajahan yang wujud dalam kategori sosial yang pelbagai telah memberi sumbangan tertentu dari sudut ekonomi, kemasyarakatan dan kuasa. Mereka bukanlah golongan yang kelu malah telah diiktiraf secara perundangan sebagai golongan pencari rezeki yang bekerja lebih kuat daripada kaum lelaki dalam segenap hal. Bab ketiga membincangkan kesan peralihan dalam pentadbiran iaitu di bawah Penasihat Siam dan kemudiannya pemerintahan kolonial terhadap aktiviti ekonomi wanita Melayu. Ia akan menjawab persoalan samada kapitalisme dan penjajahan telah menjadikan wanita Melayu terpinggir dalam segenap hal.

Bab keempat pula meninjau penglibatan wanita dalam aspek permodalan dan akibat buruk daripada kegiatan tersebut seperti tersepit dalam kancah hutang. Masalah pergantungan wanita Melayu dan termasuk wanita kerabat kepada ceti diperhalusi dalam bab ini. Bab kelima pula memberi tumpuan kepada perkembangan pendidikan untuk kanak-kanak perempuan di negeri itu. Aspek pendidikan merupakan salah satu aspek yang memberi ruang kepada pihak British untuk memujuk penerimaan orang Melayu terhadap mereka. Dalam hal ini isu pendidikan untuk kanak-kanak perempuan ditinjau bukan sahaja dari sudut masalah domestik malah juga menilai sikap

sebenar pihak British dalam memajukan sekolah perempuan di negeri itu. Dari satu segi ia membenarkan hujahan Boserup bahawa kapitalisme meminggirkan kanak-kanak perempuan daripada ilmu pendidikan namun dalam kes Kedah, ia tidak bermaksud keseluruhan penduduk Melayu bersikap pasif terhadap soal memberi pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka. Perkembangan kesihatan kaum ibu dan kanak-kanak Melayu pula dibincangkan dalam bab keenam. Aspek ini merupakan satu lagi peluang bagi British mengenakan kuasa ke atas Kedah. Pada hakikatnya pengenalan perubatan moden di Kedah berkait rapat dengan kepentingan kapitalisme dengan tumpuan penuh kepada masyarakat Melayu yang merupakan masyarakat pengeluar makanan yang terpenting di negeri itu. Bab ketujuh pula merupakan bab kesimpulan.